



SIARAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA

PTPTN UMUM DIVIDEN SIMPAN SSPN 4.10 PERATUS PULANGAN LEBIH KOMPETITIF KEPADA PENDEPOSIT

1. Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) mengumumkan agihan dividen Skim Simpan Pendidikan Nasional (Simpan SSPN) yang lebih kompetitif kepada pendeposit bagi tahun 2025 sebanyak 4.10 peratus.
2. Pengagihan dividen Simpan SSPN tahun 2025 telah diumumkan oleh YBhg. Dato' Seri Norliza Abdul Rahim, Pengerusi PTPTN di Menara PTPTN, Kuala Lumpur pada hari ini. Turut hadir YBrs. Encik Ahmad Dasuki Abdul Majid, Ketua Eksekutif PTPTN, Pengurusan PTPTN serta rakan-rakan strategik.

KADAR DIVIDEN MENINGKAT, PULANGAN LEBIH KOMPETITIF

3. Pemberian dividen Simpan SSPN sebanyak 4.10 peratus akan memberi manfaat kepada 6.07 juta akaun pendeposit Simpan SSPN melibatkan anggaran peruntukan berjumlah RM505.68 juta. Ini menjadikan jumlah keseluruhan pemberian dividen adalah sebanyak RM2.63 billion sejak Simpan SSPN diperkenalkan pada tahun 2004.
4. Agihan dividen ini akan dimasukkan terus ke akaun Simpan SSPN dan pendeposit boleh membuat semakan penyata simpanan masing-masing melalui aplikasi myPTPTN mulai 7 Mei 2026 (Khamis).
5. Pemberian dividen pada kadar 4.10 peratus ini adalah lebih tinggi berbanding agihan dividen sebanyak 4.05 peratus bagi tahun 2024. Kadar dividen ini juga merupakan kadar yang tertinggi dalam tempoh 11 tahun terakhir.
6. Peningkatan kadar dividen ini sekali gus menunjukkan kecekapan PTPTN yang diterajui oleh YBhg. Dato' Seri Norliza Abdul Rahim, Pengerusi PTPTN bersama Ahli Lembaga Pengurusan dan Pengurusan PTPTN dalam pengurusan dana simpanan dengan efektif berlandaskan tadbir urus yang cemerlang, berintegriti dan strategik bagi memastikan pulangan yang optimum dapat diberikan kepada para pelanggan. Dalam masa yang sama, pencapaian ini mendapat sokongan penuh YB Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Abd Kadir, Menteri Pendidikan Tinggi sebagai tanda keyakinan terhadap prestasi pengurusan dana yang mampan dan berdaya saing.

7. Peningkatan ini turut disokong oleh strategi pelaburan patuh syariah berjangka pendek dan panjang di pasaran wang dan sukuk tempatan yang memelihara prinsipal, di samping tawaran pulangan yang kompetitif. Strategi pengurusan risiko yang berkesan serta pemilihan portfolio pelaburan yang strategik dalam simpanan tetap jangka panjang dan sukuk telah berjaya meningkatkan pulangan pelaburan. Pemberian dividen Simpan SSPN pada kadar 4.10 peratus ini juga menunjukkan pulangan bersih pelaburan yang positif jika dibandingkan dengan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) yang ditetapkan oleh Bank Negara yang kekal pada kadar 2.75 peratus sepanjang tahun 2025.

PENCAPAIAN SIMPAN SSPN 2025 MEMBANGGAKAN

8. Pada tahun 2025, jumlah deposit Simpan SSPN yang diterima adalah sebanyak RM3.33 bilion. Jumlah ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM154.10 juta atau 4.86% berbanding pencapaian tahun 2024 iaitu sebanyak RM3.17 bilion. Selain itu, lebih 500 ribu pembukaan akaun baharu juga telah direkodkan pada tahun lalu. Ini menjadikan keseluruhan deposit yang diterima sehingga 31 Disember 2025 adalah berjumlah RM23.88 bilion. Prestasi ini merupakan pencapaian dan kejayaan yang membanggakan, selain sebagai bukti sokongan pendeposit Simpan SSPN terus kekal utuh.

LEBIH DARI SEKADAR SIMPANAN

9. Simpan SSPN merupakan produk terbaik untuk masyarakat Malaysia membuat simpanan bagi tujuan pendidikan tinggi anak-anak. Selain menawarkan kadar dividen yang kompetitif, pelbagai keistimewaan lain yang ditawarkan dan paling menarik, Simpan SSPN merupakan satu-satunya produk simpanan yang memberikan pelepasan taksiran cukai pendapatan ke atas simpanan sehingga RM8,000 setahun. Selain itu, perlindungan takaful percuma ke atas pendeposit, Geran Sepadan percuma sehingga RM10,000 untuk satu keluarga yang layak, simpanan yang dijamin Kerajaan dan patuh syariah.

10. Sempena Belanjawan 2025, kerajaan telah bersetuju kriteria pemberian Geran Sepadan ke atas simpanan dalam akaun Simpan SSPN Prime bagi pelajar yang melanjutkan pengajian di IPT diperluaskan kepada keluarga berpendapatan melebihi RM4,000 sehingga RM6,000 bagi tempoh dua (2) tahun di bawah Inisiatif Geran Padanan Ihsan (GAPAI). Pendeposit yang layak kini boleh memohon geran sepadan sehingga RM5,000 untuk satu keluarga.

11. Maklumat lanjut berkenaan Simpan SSPN boleh diperoleh melalui portal rasmi www.ptptn.gov.my atau aplikasi myPTPTN untuk perkhidmatan yang lebih mudah, cepat dan selamat.

Diedarkan oleh:

Bahagian Komunikasi Korporat
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
6 Mei 2026

Untuk pertanyaan daripada pihak media, sila hubungi Puan Rina Abd Rahman (019 - 3888 733) atau Puan Hasliza Abdul Latiff (019 - 354 2388)